

08 SEP 2001

Abdullah-PAS

CABARAN PAS HANYA GIMIK POLITIK, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Cabaran Presiden PAS Datuk Fadzil Noor supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Malaysia sebuah negara Islam, tidak lebih daripada gimik politik, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata PAS berbuat demikian untuk mengelak daripada terpaksa memberikan penerangan mengenai negara Islam yang hendak diwujudkan oleh parti pembangkang itu.

Beliau berkata hakikatnya ialah PAS yang selama ini bercakap untuk menubuhkan negara Islam dan melaung-laungkan konsep negara Islam.

"Apabila dicabar apa negara Islam yang mereka hendak tubuhkan, mereka tidak berani beri respons secara jelas. Sekarang mereka hendak bagi bola dekat kita supaya mereka boleh hentam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Persidangan Pertubuhan Persatuan Pengurusan Asia ke-14 sempena Persidangan Perniagaan Multimedia-Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia ke 3 di Seri Kembangan.

Fadzil dilaporkan sebagai berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga boleh memasukkan ke dalam titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sidang Parlimen akan datang pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam.

Abdullah berkata kerajaan telah membangunkan negara ini sehingga rakyat beragama Islamnya dianggap sebagai yang termaju di dunia oleh umat Islam lain.

Beliau berkata desakan PAS meminta Umno dan Barisan Nasional (BN) untuk memberikan kenyataan berhubung negara Islam itu hanya supaya mereka boleh mengkritik kerajaan sedangkan PAS yang sebenarnya perlu menerangkan konsep negara Islam itu.

"Dia yang selama ini nak tubuh negara Islam, tetapi apa sebenarnya. Dr Mahathir telah mencabar mereka beri penerangan mengenai perkara ini tetapi mereka tidak mampu berbuat demikian," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata ia menandakan PAS hanya pandai bercakap dan cabarannya itu semata-mata untuk menarik perhatian dan sokongan daripada masyarakat Islam.

Dr Mahathir sebelum ini pernah beberapa kali meminta PAS menjelaskan secara bertulis dan dalam bahasa-bahasa utama yang digunakan di negara ini berhubung negara Islam yang mahu didirikannya.

Bagaimanapun, PAS sehingga hari ini masih belum berbuat demikian.

-- BERNAMA

AT MAM HS PR